



JABATAN MUZIUM SARAWAK

**PERTANDINGAN MENULIS ESEI BERSEMPENA**  
**ULANG TAHUN MUZIUM SARAWAK KE-130**

**Terma dan Syarat-syarat Pertandingan**

1. Pertandingan ini percuma dan terbuka kepada **anak Sarawak** yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (Awam atau Swasta) dan Institut Pendidikan Guru.
2. Tajuk Esei:
  - (a) Peranan Muzium dalam Menyatukan Masyarakat di Sarawak.
  - (b) Kepentingan dan Hala Tuju Pemeliharaan Bangunan Bersejarah di Negeri Sarawak
  - (c) Cabaran dan Peluang Melindungi Khazanah Warisan Negeri Sarawak.
3. Panjang esei bagi setiap kategori adalah seperti berikut **tidak kurang daripada 2000 patah perkataan** dan **tidak melebihi daripada 2500 patah perkataan**.
4. Esei hendaklah ditulis dalam **Bahasa Malaysia**.
5. Esei hendaklah ditaip menggunakan tulisan **font Arial saiz 12 single spacing**.
6. Semua esei hendaklah **asli**, hasil tulisan peserta sendiri, bukan saduran atau dicitak daripada mana-mana karya orang lain sama ada yang belum atau pernah diterbitkan. Peserta hendaklah bersedia membuat perakuan terhadap keaslian esei masing-masing.
7. Sekiranya esei yang dihantar itu ternyata dicitak atau diplagiat, penyertaan akan terbatal serta merta. Jika esei tersebut memenangi hadiah, hadiah tersebut perlu dipulangkan semua kepada urus setia pihak penganjur.
8. Peserta dilarang sama sekali **menyentuh soal peribadi seseorang atau agama serta hal-hal sensitif yang lain** dalam penulisan.
9. Peserta perlu mengisi borang penyertaan dan menghantar bersama-sama dengan esei.
10. Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan diterima.
11. Borang penyertaan dan esei mestilah dihantar dengan memuat naik esei (**salinan lembut format MS Words dan PDF**) melalui e-mel kepada Jabatan Muzium Sarawak di alamat [adiby@sarawak.gov.my](mailto:adiby@sarawak.gov.my) pada atau sebelum **31 Oktober 2021**. Penyertaan yang lewat diterima akan **ditolak**.
12. Sijil penyertaan akan diberikan kepada semua peserta.

**Hadiah**

Tempat Pertama : RM800 serta e-sijil.  
Tempat Kedua : RM500 serta e-sijil.  
Tempat Ketiga : RM300 serta e-sijil.